

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 29 RABU 19HB. JULAI 1972 1392 رابو 7 جمادي الاخير PERCHUMA

TUNTUTAN KA-ATAS LIMBANG AKAN DI-RUNDING

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin telah bersabda bahawa Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah menjemput Perdana Menteri Malaysia untuk mengadakan perundingan di-London bagi membincangkan tuntutan Brunei ka-atas Limbang.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dalam satu siaran melalui Radio Brunei telah bersabda bahawa Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, baharu2 ini telah mengemukakan melalui saluran yang tertentu, satu shor kepada Perdana Menteri Malaysia bagi di-adakan perundingan itu.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan bersabda bahawa pada 17hb. Februari, 1965 tatkala Duli Yang Teramat Mulia menjadi Sultan, Kerajaan Brunei telah mengutus surat kepada Kerajaan Malaysia berkenaan dengan tuntutan Brunei ka-atas Limbang yang mana tuntutan itu berdasarkan kepada hukum2 Ugama Islam.

Satu jawapan telah di-terima dari Tengku Haji Abdul Rahman yang pada masa itu Perdana Menteri Malaysia dan juga menjadi Menteri bagi Hal Ehwal Luar Malaysia.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan bersabda, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah mengesahkan supaya tuntutan Brunei ka-atas Limbang hendaklah di-rundingkan di-London dalam tahun ini atau salewat2-nya pada awal tahun 1973.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah menasehatkan raayat dan penduduk Limbang supaya bertenang dan bersabar dan jangan menimbulkan sa-barang kekacauan hingga perbincangan berkenaan dengan tuntutan Brunei itu diselesaikan menurut hukum2 Ugama Islam.

RAAYAT NIKMATI KEBAHAGIAAN HIDUP MELALUI PIMPINAN BAGINDA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dalam jangka sa-tahun yang lalu, raayat dan penduduk negeri ini telah dapat menikmati kehidupan yang chemerlang lagi bahagia dan penuh dengan keadilan, kemakmoran serta juga keselamatan.

Kedudukan yang demikian itu ada-lah dengan izin Allah Subhanahu Wataala dan limpah kurnia yang telah di-laksanakan melalui kebijaksanaan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan pada memimpin dan mengulaskan pentadbiran Kerajaan yang sehat dan bahagia.

Demikian yang telah di-lapadzkan oleh Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail dalam sembah keshukoran bagi pehak raayat dan penduduk termasuk kakitangan dan pegawai2 Kerajaan di-istiadat mengadap dan menganugerahkan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran di-Lapau, sempena menyambut Hari Keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-26 pada

15hb. Julai, hari Sabtu lepas.

Pemangku Menteri Besar juga menyembahkan bahawa projek infra-structure yang merupakan asas bagi kemajuan ekonomi dan sosial serta berlapikkan suasana politik yang stabil yang mana jua berasaskan unsur2 keselamatan yang terjamin, sekarang telah mula di-rasai nikmat-nya oleh raayat dan penduduk Negeri Brunei Darussalam keseluruhannya.

"Dengan sempurna-nya pembanaan projek2 raksaksa yang akan memudahkannya perhubungan Brunei, ia-itu perhubungan keluar masuk dan sa-umpama-nya, yang merupakan projek lapangan terbang antara bangsa dan pelabohan ayer dalam di-Muara serta lain2 kemudahan itu akan membolehkan raayat dan penduduk negeri ini menjalankan usaha2 yang boleh mendatangkan faedah dan nikmat kepada mereka yang sanggup berusaha", sembah sabda Yang Amat Mulia itu.

(Lihat muka 8)



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Orang2 yang bergelar berikrar untuk terus menjunjong hasrat dan titah Baginda

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha selaku wakil Wazir2, Cheteria2, Kerabat2 Diraja dan Menteri2 telah menyembahkan keshukoran dan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Yang Teramat Mulia melapadzkan sembah keshukoran dan ikrar itu di-istiadat Mengadap dan menganugerahkan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran Negeri Brunei yang berlangsung di-Lapau, Bandar Seri Begawan sempena menyambut Hari Keputeraan Baginda yang ke-26, pada 15hb. Julai yang baru lalu.

Dalam sembah ikrar ta'at setia itu, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha telah menyebut semula akan perkembangan2 yang berlaku dalam negeri ini yang merupakan peristewi2 yang bersejarah.

Yang Teramat Mulia antara-nya telah menimbulkan tentang lawatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth ka-negeri ini dan upacara menanda-tangani pindaan perjanjian 1959.

Tentang lawatan Diraja British itu, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha menisfatkan-nya sa-bagai satu tanda penghormatan yang tinggi nilai-nya kepada Negeri Brunei Darussalam serta kepada raayat dan penduduk-nya.

Lawatan itu juga, sabda Yang Teramat Mulia, telah mengharumkan nama baik Negeri Brunei dari segi sambutan yang di-penohi dengan Adat Istiadat yang gilang

(Lihat muka 8)

RAAYAT DI-SERU SUPAYA MELAMBANGKAN SIKAP MENGHARUMKAN PANCHIR KETURUNAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah menyeru raayat Baginda supaya melambangkan sikap bagi mengharumkan panchir keturunan atau pureh yang perwira, taat laila setia, berbaik2 laila berkebakikan dengan sahabat.

Sikap ini juga di-titahkan Baginda supaya ditumpukan kepada Kerajaan yang memberikan pertolongan dan raayat-nya bertugas dengan jujur yang kesian-nya laila terbokti dan memberikan apa jua sumbangan dan pengurbanan menurut kadar-nya yang berkemampuan.

Ini bukan sahaja sa-mata2 untuk kebaikan kita hari ini, tapi juga untuk kebajikan laila kesentosaan kemakmoran dan kebahagiaan kita yang akan datang.

Titah yang demikian di-lapadzkan Baginda dalam Istiadat Mengadap dan Menganugerahkan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran, di-Lapau, Bandar Seri Begawan pada 15hb. Julai yang lalu, sempena menyambut Hari Keputeraan Baginda yang ke-26 tahun.

Dalam titah itu juga, Baginda telah mengingatkan Kerajaan, pehak2 yang berkenaan yang mengawal keamanan dan ketenteraman dan juga seluruh raayat dan penduduk Brunei supaya berwaspada terhadap anasir2 yang akan mendatangkan ancaman dan mengacau bilaukan negeri ini.

"Dalam usaha ini beta ingin mengingatkan supaya kita menguasai segala jentera yang ada pada kita untuk membisakan lagi dan menyempurnakan perjalanan2 menghala ka-arah keselamatan untuk kebahagiaan negeri kita yang di-kasehi Brunei Darussalam", titah Baginda.

Mengenai dengan kerjasama di-bidang ketenteraan, Baginda menunjukkan titah kepada Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Gautrey sambil memohon beliau supaya menyampaikan kepada Setiausaha Negara, untuk menyembahkan sekali lagi ucapan terima kasih Baginda kepada persetujuan Paduka Seri Baginda Queen memperkenan mengenai pasokan bersahabat di-antara Askar Melayu Diraja Brunei dan tentera Paduka Seri Baginda Queen ke-II King Edward ke-7.

Baginda tidak juga lupa mengucapkan terima kasih kepada angota2 Askar Melayu Diraja Brunei dan Pulis Diraja Brunei serta angota2 angkatan bersenjata Paduka

(Lihat muka 8)

140 ORANG DI-KURNIAKAN BINTANG2 DAN PINGAT2 SEMPERA PUJA USIA D. Y. M. M. KE-26

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddan ada-lah di-antara 140 orang yang di-kurniakan Bintang Kebesaran dan Pingat2 Kehormatan Negeri Brunei oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei sempena hari keputeraan Baginda yang ke-26 tahun.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah di-anugerahkan Darjah Agama Islam Negeri Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Pertama.

Dua orang yang lain juga telah menerima bintang yang sama. Mereka ia-lah Yang Di-Muliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei sedang mengurniakan Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati Dato Seri Utama — D.K. kepada Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Pengiran Anak Puteri Besar ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam.



Istiadat mengurniakan Bintang2 dan Pingat2 tersebut telah di-adakan di-Lapau Bandar Seri Begawan.

Sinarai pengurniaan itu telah di-dahului oleh Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim, Y.A.M. Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Mohd. Yusof ibni Duli Pengiran Pemancha Muda Haji Mohamed Alam, Y.A.M. Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Pengiran M o m i n bin Pengiran Haji Ismail, Y.A.M. Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran H a j i Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid, Y.A.M. Pengiran Sanggamara Diraja Pengiran Anak Chuchu bin Pengiran Muda Mohd. Salleh, Y.A.M. Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid, Y.A.M. Pengiran Setia Jaya Pengiran H a j i Abdul M o m i n bin Pengiran Othman, Y.B. Pehin

Orang Kaya Laksamana Dato Seri Utama Awang Haji Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Awang Haji Mohd. Taha dan Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Penggawa Laila Bentara Diraja Dato Seri Utama Awang Mohd. Abbas Al-Sufri yang telah di-kurniakan Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati Dato Seri Laila Utama — D.K.

Y.T.M. Pengiran Isteri Anak Zariah ibni Duli Pengiran Pemancha Muda Haji Mohd. Alam, Y.T.M. Pengiran Isteri Pengiran Anak Besar ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Y.T.M. Pengiran Isteri Anak Salmah ibni Al-Marhum Pengiran Muda Mohd. Salleh dan Y.A.M. Pengiran Putera Negara Pengiran Haji Damit bin Pengiran Metussin di-kurniakan Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati Dato Seri Utama — D.K.

Lapan orang di-anugerahkan Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Pertama — S.P.M.B. Mereka ia-lah Datin Rosnah binte Abdullah, Y.B. Pehin Datu Derma Setia Dato Setia Awang P.A. Coates, Y.B. Pehin Datu Saudagar Derma Laila Dato Setia Awang R.T. Lloyd Dolbey, Y.B. Pehin Datu Temenggong Awang Lim Chen Choo, Dato Seri Laila Jasa Awang W.I. Glass, Dato Seri Laila Jasa Awang M. MacInnes, Dato

Paduka Awang Norman Bradbury dan Lt. Col. Dato Setia J.G. Moran.

Darjah Perwira Agong Negara Brunei Yang Amat Setia Darjah Pertama — P.A.N.B. di-kurniakan kepada Captain Abdul Rahman bin Mustapha L/Cpl. Ahmad bin Awang Said dan Pte. Nibah bin Tumit.

Y.B. Begawan Pehin Khatib Dato Seri Utama Haji Metali bin Md. Yassin di-kurniakan Darjah Agama Islam Negeri Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Kedua.

Major A.D. Hill menerima Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Kedua — D.K.L.T.

Lain2 yang telah di-kurniakan Bintang2 dan Pingat2 bersempena hari keputeraan D.Y.M.M. itu ada-lah seperti berikut:— Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia Darjah Kedua — D.S.N.B.

Yang Amat Mulia, Pengiran Putera Negara Pengiran Haji Damit bin Pengiran Metussin, Yang Amat Mulia, Pengiran Anak Saerah ibni Duli Pengiran Bendahara Muda Haji Hashim, Yang Mulia, Major Pengiran Dato Seri Laila Jasa Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong,



DULI Yang Maha Mulia sedang mengalungkan Darjah Agama Islam Negeri Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Pertama kepada ayahanda Baginda D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan. Istiadat mengurniakan Bintang tersebut telah berlangsung di-Majlis Santap Bersarapan di-Istana Darul Hana pada 15hb. Julai lepas

dan Yang Mulia, Pengiran Dato Paduka Umar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong.

Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua — D.S.L.J.

Yang Teramat Mulia, Pengiran Bini Siti Katizah binte Pengiran Mohd. Daud, Isteri Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Pengiran Hj. Mohamad, Datin Hajjah Salmah binte Yusof, Datin Musnah binte

Haji Mohd. Yusof, Datin Hajjah Yukmas binte Mohammad dan Major H. Marshall.

Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua — D.P.M.B.

Pengiran Othman bin Pengiran Mohd. Salleh, Awang Hussein bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Lela Dato Laila Utama Awg. Haji Mohd. Yusof dan Awang G.T. Hambly.

(Lihat muka 6)

Pengurniaan Memperingati Keberangkatan D.Y.M.M. Baginda Queen ka-Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dengan sukachita mengurniakan Bintang2 Kebesaran dan Pingat2 Kehormatan kepada 32 orang sa-bagai memperingati Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei pada 29hb. Februari yang lalu.

Sinarai pengurniaan itu telah di-dahului oleh Yang Di-Muliakan Begawan Pehin Tuan Imam Dato Setia Awang Haji Metassin bin Md. Tahir yang telah di-kurniakan Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Pertama — S.P.M.B.

Tiga orang telah di-kurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia Darjah Kedua — D.S.N.B. Mereka ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Dato Seri Laila Jasa C.T. Miller, dan Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Perdana Indera Dato Seri Laila Jasa Haji Mohd. Taha bin Haji Bakir.

Tujuh orang di-kurniakan Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua — D.S.L.J. Penerima2 itu ia-lah Dato Paduka R. Waddel, Awang Tom Harrison, Major Dato Paduka Mohammad bin Haji Daud, Awang G.V. de Freitas, Awang Haji Talib bin Derwis, Datin Rosnah binte Abdullah dan Datin Olga Coates.

Major Chignell, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar, Pengiran Hidup bin Pengiran Hashim, Datin S. Butterell, Yang Mulia Penglima Asgar Haji Abdullah bin Penglima Badar dan Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Indera Dewa Awang Haji Musa bin Hitam masing2 telah di-kurniakan Darjah Mahkota Bru-

nei Yang Amat Mulia Darjah Kedua — D.P.M.B.

Col. Dato B.F.L. Rooney telah di-kurniakan Darjah Laila Jasa Keberanian Gemilang Yang Amat Chermerlang Darjah Ketiga — D.K.G.

Captain Pg. Abidin bin Pengiran Ahmad, Captain D.N. Cnapell, Pengiran Anak Ahmad bin Pengiran Sabtu Kemaluddin dan Pengiran Anak Hassan bin Pengiran Sabtu Kemaluddin telah di-kurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia Darjah Ketiga — S.N.B.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Omarali ibni Al-Marhum Duli Pengiran Bendahara Anak Abdul Rahman di-kurniakan Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga — S.L.J.

Pengiran Sharifuddin bin Pengiran Metali dan T. Butcher di-kurniakan Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Bahgia Darjah Ketiga — S.M.B.

Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Penggawa Laila Bentara Diraja Dato Seri Utama Awang Mohd. Abbas Al-Sufri di-kurniakan Pingat Hassanul Bolkiah Sultan Pangkat Pertama — P.H.B.S. (I).

Lima orang di-kurniakan Pingat Jasa Kebaktian — P.J.K. Mereka ia-lah Dato Seri Pahlawan J.R.H. Burns, Dato Hamzah Pahlawan G.E. Coster, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Awang Hj. Mohd. Jamil Al-Sufri, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Pengiran Anak Chuchu bin Pengiran Muda Mohd. Salleh dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awg. Ibrahim.

Awang Mak Kum Wah di-kurniakan Pingat Indah Kerja Baik.

ADA-LAH menjadi dasar Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei bagi mengekalkan keamanan dan ketenteraman bagi negeri ini. Dalam hubungan ini kerajaan Duli Yang Maha Mulia tidak pernah teragak2 mengambil tindakan yang sewajarnya membentasi sa-barang anasir yang bertujuan untuk merosakkan keamanan dan ketenteraman negara.

Rakyat dan penduduk negeri ini hendaklah sentiasa memahami bahawa anasir2 yang boleh merosakkan keamanan dan ketenteraman itu ada-lah banyak, salah satu daripadanya ia-lah rasuah. Rasuah atau perbuatan suap atau tumbok rusok ada-lah diibaratkan sa-bagai satu penyakit yang merbahaya, kerana ia menyebabkan berlakunya kezaliman, melambatkan perjalanan jentera kerajaan, merosakkan maruah bangsa dan Ugama serta boleh melumpuhkan dan menghancurkan negara.

Apabila kita sebut rasuah akan terbayang-lah di-depan mata kita bagaimana wang2 atau barang yang berharga akan berpindah dari satu tangan dengan chara sulit didalam maksud yang sama2 diketahui oleh mereka yang terlibat dengan tidak sedikit pun terlintas di-fikiran mereka bahawa api neraka akan menyala, membakar perut mereka di-akhirat kelak. Sabenarnya bukan itu sahaja yang dinamakan rasuah, ada rasuah dzahir, ada rasuah bathin, ada rasuah budi, rasuah tenaga, rasuah benda, rasuah diri, rasuah pangkat dan sa-bagainya.

Mari-lah kita perhatikan di-mana letak-nya ketiadaan adil atau kezaliman yang akan timbul dari perbuatan rasuah. Keadilan bermakna memberikan hak kepada orang yang benar2 berhak, bukan memberikan hak sama rata atau sama banyak seperti yang di-fahami oleh sa-tengah2 orang, dengan tidak diperhatikan siapa yang lebih layak atau yang lebih utama yang benar2 berhak menerimanya.

Rasuah telah memisongkan haluan sa-suatu hak daripada menuju kepada orang yang benar2 berhak dan telah menukar sa-suatu bukan pada tempat sa-layak-nya, maka pembisongan atau penukaran sa-rupa itu ada-lah satu perbuatan dzalim dan dzalim lawan-nya adil bila timbul kezaliman maka lenyap-lah keadilan.

Pendek-nya dalam apa2 jua hal ada-nya amalan2 tidak jujur atau tidak mengikut saloran yang benar dan hak sa-

RASUAH MERUPAKAN ANASIR MEROSAK KETENTERAMAN NEGARA



KHUTBAH JUMA'AT

"Berbagai chara rasuah ia-itu ada rasuah dzahir, ada rasuah bathin, ada rasuah budi, rasuah tenaga, rasuah benda, rasuah diri dan rasuah pangkat"

ma ada dengan menghulurkan wang ringgit atau mata benda, menanam budi berlelebeh2an, menggunakan pengaruh pangkat darjat, mengampuni atau "menganjong2" sa-chara melampau, menyerahkan diri atau anak pinak dengan maksud mendapatkan perhatian khas atau keistimewaan merebut hak orang lain yang lebih berhak adalaha rasuah nama-nya, dan semuanya itu ada-lah perbuatan2 dzalim.

Oleh kerana bahaya yang di-timbulkan oleh rasuah itu amat besar maka Allah Subhanahu-Wataala telah mengharamkan perbuatan tersebut sama ada menerima atau memberi atau menjadi perantara bagi rasuah itu. Nabi Mohammad s.a.w. telah memberi amaran tentang perbuatan rasuah itu dengan sabda Baginda yang bermaksud:

"Allah ada-lah mela'nat orang yang memberi rasuah, yang menerima-nya dan orang tengah yang berkaitan dengan rasuah".

Tuhan pula telah memerintahkan kepada umat manusia supaya menjauhi rasuah dan memakan barang2 haram seperti firman-nya yang bermaksud:

"SERUAN MIMBAR" TERBITAN J.H.E.U.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bersempena menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-26 tahun, maka Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bahagian Penerangan telah menerbitkan sa-buah buku yang di-beri nama "SERUAN MIMBAR". Buku ini mengandungi lebih 30 buah khutbah Juma'at yang berhubung dengan banyak aspek dalam ke-

"Dan jangan-lah kamu makan harta di-antara kamu dengan jalan salah atau tidak wajar, dan di-lanjutkan pula kepada hakim2 supaya kamu dapat makan sa-bahagian daripada harta manusia dengan jalan haram sedang kamu tahu haram dan halal-nya."

Oleh yang demikian jika sekiranya ada orang2 yang chuba hendak melakukan rasuah atau telah terlanjur melakukannya maka ingat-lah bahawa harta atau apa saja keuntungan yang di-timbulkan oleh rasuah itu ada-lah haram dan berdosa memakan atau menggunakan-nya.

Kerana itu ada-lah di-serukan supaya sama2-lah kita menjuakkan diri dari memberi atau menerima atau menjadi perantara perbuatan rasuah itu. Mudah2an dengan demikian akan selamat-lah diri kita dan negara kita.

hidupan; termasuk aspek2 sosial, ekonomi, ibadat dan lain2 lagi.

Dalam buku ini di-hidangkan khutbah pilihan yang telah di-bachakan di-semua mimbar mesjid di-negeri ini semenjak tahun 1967 hingga tahun 1970 ia-itu khutbah2 yang di-susun sendiri oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin sa-masa beliau menjadi Kadzi Besar.

Berukuran 7½" x 5½" dan tebal 100 muka, buku ini sedang di-jual kepada orang ramai. Buku ini boleh di-beli di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan chawangan-nya di-semua daerah di-negeri ini.

PERTANDINGAN QURAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Abdul Rahman Piut akan merasmikan pembukaan Pertandingan membaca Kitab Suci Al-Quran dan Sharahan Ugama bagi sekolah Ugama peringkat akhir seluruh negeri.

Pertandingan itu akan di-langsungkan di-Lagoon Mesjid Omar Ali Saifuddin Bandar Seri Begawan pada malam esok mulai jam 8.00 malam.

Telur boleh di-import

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perubatan dan Kesihatan Brunei akan memberikan kebenaran untuk membawa masuk ice cream dan telur dari Singapura ka-negeri ini sa-telah di-patohi syarat2 yang di-kenakan.

Pegawai Perubatan dan Kesihatan, Dr. Johar Haji Nordin dalam satu kenyataan semalam telah menchatatkan syarat2 yang berikut:

* Ice cream dari sharikat2 yang terkenal sahaja akan di-benarkan di-bawa masuk ka-Brunei.

* Dan, telur2 itu hendaklah di-chap dengan nama negeri yang mengeluarkan-nya dan tarikh di-hantar keluar dari negeri itu.

Sa-ramai 16 orang peserta lelaki dan perempuan yang mewakili Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong akan mengambil bahagian dalam pertandingan itu.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 19hb. Julai 1972 hingga ka-hari Selasa 25hb. Julai, 1972 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Terbit
19hb. Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-41	4-56	6-14
20hb. Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-41	4-56	6-14
21hb. Julai	12-32	3-50	6-42	7-53	4-42	4-57	6-15
22hb. Julai	12-32	3-50	6-42	7-53	4-42	4-57	6-15
23hb. Julai	12-32	3-50	6-42	7-53	4-42	4-57	6-15
24hb. Julai	12-32	3-50	6-42	7-53	4-42	4-57	6-15
25hb. Julai	12-32	3-50	6-42	7-53	4-42	4-57	6-15

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

(19hb. Julai, 1972).

DARI TITAH

ADA beberapa perkara yang penting telah di-sentuh dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-Istiadat Mengadap dan Menganugerahkan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran Negeri Brunei di-Lapau.

Antara perkara2 penting itu termasuklah penyusunan rancangan2 perkembangan, pelaksanaan kewajipan yang diamanahkan oleh Kerajaan Baginda dan tentang anasir2 yang akan mendatangkan ancaman dan mengachau-bilaukan negeri.


Kerajaan Baginda sa-jauh ini telah melaksanakan usaha2 untuk mengadakan beberapa kemudahan2 yang menjadi na-di-majukan rancangan2 perkembangan negara, baik dari segi pembangunan2 yang diistilahkan kepada ekonomi negara, mahu pun segi2 sosial yang menghubungkan kepada kepentingan rakyat Baginda.

Apa yang di-harapkan dari kemudahan2 yang ada itu ialah kesaksesan pelaksanaannya. Kesaksesan ini tidak mesti pula hanya dapat di-lihat kegagahan dari segi luar-nya, bahkan dari segi2 faedah yang boleh mendatangkan kepentingan2 rakyat Baginda dalam jangka waktu yang bukan pindek. Kerana itu, kerap kali Baginda bertitah dengan meyebut "melaksanakan usaha dengan kerana Allah". Dari sini sudah dapat di-ketahui akan hasrat Baginda pada sa-tiap rancangan yang di-adakan yang sa-mesti-nya di-laksanakan menurut luno2 yang lurus, "laila di-junto dengan sa-berapa rapi pada mengubah perkembangan kepada munasabah berfaedah".

Hasrat Baginda sa-memangnya suci dalam segala perkara yang menghubungkan kepentingan2 negara dan rakyat Baginda dan Baginda inginkan yang negara dan rakyat Brunei ini tetap dengan kesentosaannya sepanjang waktu dan tidak di-nodai oleh sebarang anasir yang meluluhkan kesentosaan itu.

Di-kaji sa-chara yang luas lagi, maka anasir2 yang di-maksudkan itu akan membawa pengertian yang luas yang bukan hanya yang berhijrah atau di-hijrahkan dari luar bahkan sa-suatu yang kurang baik yang sedia ada dari dalam juga merupakan anasir yang boleh merosak dan meluluhkan kesentosaan itu. Kerana itu-lah di-pentingkan bagi kita melaksanakan tugas "dengan kerana Allah" yang dengan sendiri-nya juga dapat menjamin kestabilan negara dalam berbagai bidang dan dengan kerana-nya juga, rakyat dapat hidup dengan sentosa-nya.

Tetapi anasir2 itu tidak akan dapat menjalankan peranannya jika kita berwaspada menghadapi-nya seperti yang di-titahkan Baginda itu dan kewaspadaan kita itu hendaklah dengan semangat keperwiraan demi untuk mendukung hasrat Baginda yang suci terhadap negara dan bangsa kita, orang2 Brunei.



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Sir Muda Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri sedang bersemayam di-Singharsana, Lapau dalam Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran sempena menyambut Hari Keputeraan Baginda yang ke-26 pada 15hb. Julai yang lalu.



Baginda kelihatan sedang bersalaman dengan jempunan2 yang hadir dalam Istiadat Santap-bersarapan di-Istana Darul Hana.

Istiadat Perbarisan puja usia Baginda di-Padang Besar, Bandar Seri Begawan pada pagi 15hb. Julai yang lalu telah di-hadiri oleh semua golongan termasuk pembesar2 negara. Gambar ini melihatkan barisan Yang Amat Mulia Cheteria2.



D.Y.M.M. kelihatan sedang menerima sembah ucapan kesetiaan yang tidak di-bachakan dari wakil Persatuan2 dan Orang2 Tiong-hwa, Bandar Seri Begawan.

SUASANA SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN D. Y. M. M. KE-26

BERMULA dari pertengahan bulan Julai hingga bulan Ogos ini, seluruh negeri akan berkumandang dengan serba kegembiraan kerana merayakan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-26.

Berbagai2 acara yang menarek, termasuk artis2 undangan yang terkenal dari luar negeri telah mengadakan pertunjukkan.

15hb. Julai, Hari Keputeraan Baginda itu di-raikan di-Bandar Seri Begawan dengan penoh adat-istiadat Pagi hari itu, satu perbarisan raksaksa diadakan di-Padang Besar dan kemudian di-ikuti oleh Istiadat Mengadap dan Menganugerahkan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran Negeri Brunei di-Lapau, Bandar Seri Begawan.

Sejak dari itu, perayaan berchambah ka-beberapa acara dari keramaian aneka warna di-Padang Besar hingga kepada perlumbaan perahu di-Sungai Brunei, pertunjukan kenaikan laut di-seluruh malam, perarakan kereta berhias siang dan malam semalam dan seterusnya di-adakan beberapa acara yang menarek lagi hingga 22hb. Julai ini.

Sejak 15hb. Julai itu, sekitar Bandar Seri Begawan dan seterusnya di-seluruh negeri telah di-hiasi dengan lampu2 chuchol yang beraneka warna, bangunan2 di-hias dengan indah-nya, pintu2 gerbang berdiri dengan gagah-nya. Pindek kata, waktu ini Brunei di-katakan sa-bagai negeri yang indah dengan warna-warni yang menarek.

Di-halaman ini, juru2 gambar kami merakam beberapa peristiwa yang penting dan menggembarakan serta penoh dengan adat-istiadat baik di-Padang Besar, mahu pun di-Lapau, Bandar Seri Begawan dan di-Istana Darul Hana.



Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautrey sedang menyampaikan ucapan di-Istiadat Mengadap di-Lapau. Berita dari ucapan beliau itu di-siar-kan di-muka 8.

Di-Istiadat Menganugerahkan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran, D.Y.M.M. kelihatan sedang mengalungkan Darjah Kerabat Yang Amat Di-hormati Dato Seri Laila Utama, D.K. kepada Y.T.M. Pengiran Isteri A n a k Zariah, isteri Y.T.M. Seri P a d u k a Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perancha ketika menyebarkan sabda kesetiaan dan taat setia bagi mewakili Wazir2, Cheteria2, Kerabat2 Diraja dan Menteri2 di-Istiadat Mengadap di-Lapau.

Kelihatan D.Y.M.M. bersaing2 dengan Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Gautrey dalam Istiadat Santap-bersarapan. Kelihatan di-kanan sekiranya ia-lah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan. (Gambar kanan).

Pasokan Paji2 Askar Melayu Diraja Brunei sedang berjalan lalu di-hadapan pentas Diraja dalam Istiadat Perbarisan Puja Usia Baginda. (Gambar bawah)




D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan ketika memereksa perbarisan dari Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei yang di-kemai oleh Major Sulaiman Awang Damit.



Dari atas land-rover khas, D.Y.M.M. kelihatan membalas tabek kehormatan dari pasukan pertubuhan2 yang beruniform yang turut mengambil bahagian dalam Istiadat Perbarisan Puja Usia Baginda itu. Perbarisan tersebut ada-lah di-bawah perintah, Major Pg. Dato Setia Ibnu yang berdiri di-belakang Baginda.



Gambar atas menunjukkan D.Y.M.M. sedang berjabat salam dengan seniman P. Ramlee yang membawa rombongan-nya ka-negeri ini untuk perayaan Hari Keputeraan Baginda. Gambar ini di-ambil di-Istiadat santap-bersarapan yang di-adakan bagi anggota2 keselamatan dan pertubuhan2 yang beruniform di-Istana Darul Hana ma'am Selasa lepas. Sementara gambar kiri, melihatkan D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan sedang menari dengan seniwati Saloma dan beberapa orang pembesar2 negara juga telah turut menari sa-bagai tanda kegembiraan bagi hari keputeraan Baginda Sultan.



Pengurniaan Bintang2 dan Pingat2 sempena puja usia D. Y. M. M.

(Dari muka 2)

Darjah Perwira Negara Brunei Yang Amat Setia Darjah Kedua — Pa.N.B.

Staff Sgt. Ismail bin Mohd. Said.

Darjah Agama Islam Negeri Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Ketiga.

Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Laksamana Dato Seri Utama Awang Haji Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Awang Haji Mohd. Taha.

Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia Darjah Ketiga — S.N.B.

